



Rina

KPWKM nafi dakwaan penganjur program WBB atas dasar kroni

Oleh SUBKHI SUDARJI | 1 Disember 2021, 5:40 pm

PUTRAJAYA – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menafikan penganjuran Program Wanita Bangkit Berniaga (WBB) dan MyKasih Kapital yang sedang dilaksanakan kementerian menguntungkan syarikat penganjur program keusahawanan terkenal di Malaysia atas dasar ‘kroni’.

Menterinya, Datuk Seri Rina Mohd. Harun berkata, dakwaan tersebut adalah palsu dan tidak benar kerana kerjasama yang dilakukan dalam program (WBB) adalah merupakan satu kolaborasi strategik antara KPWKM dengan syarikat tersebut.

Menurutnya, kerjasama berkenaan adalah tanpa kos manakala pemilihan syarikat itu sebagai rakan strategik berikutan kemampuan dan prestasi syarikat berkenaan terbukti dengan kejayaan melahirkan ribuan usahawan jutawan yang berjaya.

"Pada Oktober 2021, KPWKM telah melancarkan Kempen Wanita Bangkit yang mana pada masa sama syarikat tersebut akan melaksanakan siri kempen Bangkit yang mensasarkan golongan wanita.

"Kolaborasi strategik antara Kementerian dan bersama syarikat swasta dilihat satu usaha signifikan kerana matlamat program adalah bagi membantu golongan wanita tempatan yang terjejas pendapatan ketika mengharungi pandemik Covid-19," katanya dalam satu kenyataan hari ini. -K! ONLINE